



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN
INSTITUSI PENDIDIKAN DI SELURUH NEGERI SELANGOR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merujuk pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan berhubung pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dari 27 Oktober 2020 hingga 9 November 2020.

Selaras dengan pengumuman pelanjutan tempoh PKPB, kesemua institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM termasuk tadika, sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah swasta, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya akan **terus ditutup sehingga 9 November 2020**.

Justeru ini, pentadbir sekolah serta institusi pendidikan diarah untuk memastikan guru-guru, tenaga pengajar serta murid dan pelajar terus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di

rumah. Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

26 OKTOBER 2020